

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 OKTOBER 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Peruntukan RM1.3b perkasa penyelidikan IPT tempatan	Berita Harian
2.	Kuasai sains, matematik	Utusan Malaysia

Peruntukan RM1.3b perkasa penyelidikan IPT tempatan

Warga akademik
perlu rebut peluang
disediakan menerusi
Bajet 2015



SABRI
AHMAD

Warga akademik, khususnya di institusi pengajian tinggi awam di seluruh negara tentunya menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memperuntukkan RM1.3 billion kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada Bajet 2015 untuk program pembangunan inovasi dan pengkomersialan.

Walaupun peruntukan berkenaan disalurkan kepada MOSTI, tidak bermakna penyelidikan di institusi pengajian tinggi awam dan lain-lain institusi penyelidikan yang tidak bernaung di bawah MOSTI tidak mendapat peruntukan.

Warga akademik yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan turut mendapat manfaat kerana institusi pengajian tinggi diakui banyak menyumbang kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan di negara ini.

Justeru, kerajaan memberi status Universiti Penyelidikan kepada Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Status berkenaan sebagai mengiktiraf peranan institusi berkenaan yang mencapai tahap tertinggi dalam memperkasakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di negara ini.

Sebagai Universiti Penyelidikan, pusat pengajian tinggi berkenaan turut mendapat peruntukan tahunan khusus untuk program penyelidikan dan pembangunan.

Satu pelaburan bijak

Walaupun diberi peruntukan, warga akademik dari universiti berkenaan masih boleh mendapatkan pembiayaan daripada MOSTI bagi menjalankan penyelidikan dengan mengemukakan permohonan untuk dipertimbangkan.

Peruntukan sebanyak RM1.3 billion kepada MOSTI adalah satu pelaburan yang bijak. Menerusi peruntukan berkenaan lebih banyak projek penyelidikan dan pengkomersialan dapat dijalankan.

Bagi tempoh tahun 2007 hingga tahun 2013, lima buah Universiti Penyelidikan itu berjaya menjana pendapatan RM3.6 billion menerusi aktiviti penyelidikan dan pembangunan seperti yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh di UTM, baru-baru ini.

Pendapatan berkenaan diperolehi menerusi pengkomersialan produk penyelidikan bernilai RM1.25 billion, selain sumbangan RM205.14 juta melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berfokuskan kepada 12 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Ketika negara menuju ke arah negara maju, Malaysia memerlukan pembangunan modal insan berpengetahuan tinggi pada peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Hampir keseluruhan pengajian pada peringkat PhD, terutama dalam bidang kejuruteraan dan teknologi dijalankan menerusi kaedah penyelidikan.

Pelbagai pengajian diperkenalkan untuk melahirkan tenaga kerja mahir berpendidikan tinggi, antaranya MyBrain 15 dan PhD Industri.

Mereka yang mengikuti program PhD Industri tidak perlu hadir ke kuliah, sebaliknya bekerja seperti biasa dan pada masa sama menjalankan kajian bagi mencari penyelesaian kepada masalah di tempat kerja.

Hasil yang diperolehi melalui program itu bukan berbentuk produk, sebaliknya pengetahuan baharu, penambahbaikan proses dan penjimatan kepada industri terbabit.

Bantu selesai masalah industri

Sepanjang tempoh tahun 2005 hingga 2013, 1,153 produk penyelidikan, termasuk projek perundingan dan penyelesaian kepada masalah industri telah berjaya dilaksanakan.

Di samping itu, PhD Industri dapat mengukuhkan lagi hubungan antara universiti dan industri, memperbanyak aktiviti penyelidikan dan membantu menjayakan hasrat kerajaan menyediakan 60,000 graduan PhD menjelang tahun 2023.

Langkah berkenaan dapat membantu kerajaan menjayakan pelaburan berkualiti tinggi yang berasaskan teknologi, inovasi dan pengetahuan membabitkan pekerja berkecayaan tinggi dan berpengetahuan dengan gaji yang tinggi, seperti diumumkan oleh Perdana Menteri menerusi Tindakan Ketujuh: Pelaburan Berkualiti Tinggi dalam pembentangan belanjawan baru-baru ini.

Dalam menjalankan penyelidikan, tidak semua kajian dengan sekali percubaan akan berakhir dengan kejayaan. Thomas Edison menjalankan kajian lebih seribu kali sebelum berjaya menghasilkan lampu.

Namun, sesetengah pihak sering mengangap penyelidikan akan berakhir dengan penghasilan produk untuk pengguna. Bagaimanapun, hasil kajian adalah pelbagai termasuk dalam bentuk penerbitan, formula dan paten.

Dalam keghairahan untuk mengkomersialkan produk yang dihasilkan, ada industri yang tidak jujur. Mereka membeli paten yang dihasilkan penyelidik dan melakukan *blanketing* bagi melindungi produk mereka yang sedia ada di pasaran.

Hakikatnya, penyelidikan ambil masa yang lama, memerlukan ketekunan, kesabaran, selain dana yang mencukupi untuk membeli peralatan dan membayar gaji kepada pembantu penyelidik.

Oleh itu, penyelidik yang waras, tidak akan membuang masa, tenaga dan wang ringgit melakukan penyelidikan hanya untuk syok sendiri.



Penulis

ialah Penolong Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Korporat, Universiti Teknologi Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 21 OKTOBER 2014 (SELASA)

Lahirkan ramai saintis supaya maju dalam bidang angkasa

Kuasai sains, matematik

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**
dan **FITRIE ZARIQ**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 20 OKT.**

SAAT Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor menjejakkan kaki ke Stesen Satelit Antarabangsa (ISS) pada 10 Oktober 2007 merupakan catatan kejayaan besar Malaysia dalam menceburi ilmu angkasa dan penyelidikan saintifik.

Kejayaan itu sewajarnya menjadi sejarah yang tidak akan dilupakan namun hakikatnya masih banyak yang perlu dipelajari Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dalam pelbagai bidang termasuk ilmu.

Menjelaskan perkara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia masih perlu bekerja keras melahirkan lebih ramai saintis dalam bidang sains dan matematik untuk lebih maju dalam bidang angkasa jika tidak mahu terus ketinggalan.

“Angkasawan itu penting tetapi tidak kurang pentingnya orang yang berada di bumi ini bagi memastikan semasa Sheikh Muszaphar dihantar ke angkasa, dia tidak hilang dan kenderaan yang dinaiki boleh sampai dengan selamat ke ISS.

“Untuk melakukan perkiraan seperti itu memerlukan ilmu fizik, matematik dan sains yang tinggi sehingga tiada seorang pun rakyat Malaysia mampu mencapainya ketika ini,” katanya ketika berucap pada Hari Angkasawan Negara Ke-7 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali; Pengarah Institut Perubahan Iklim UKM, Prof. Datuk Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah dan Sheikh Muszaphar.

Program bertemakan UKM Di Angkasa itu yang dibuat sempena kejayaan Sheikh Muszaphar berada di ISS turut dihadiri angkasawan wanita Jepun, Dr. Chiaki Mukai; angkasawan Rusia, Salizhan Sha-

kirovich Sharipov dan angkasawan Jerman, Klaus-Dietrich Flade.

Dr. Mahathir berkata, untuk menjadikan Malaysia antara peneraju bidang ilmu, perkara asas adalah mendidik golongan muda agar dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik sejak dari peringkat sekolah.

Katanya, tanpa mengabaikan kepentingan bahasa Melayu, semua pihak perlu mengakui hanya dengan menguasai bahasa Inggeris barulah Malaysia mampu melahirkan cendekiawan atau saintis dalam bidang matematik, sains dan fizik.

“Dalam usaha menjadi negara maju, sepatutnya menyedarkan kita bahawa ilmu itu penting untuk dimiliki kerana dari situlah perkembangan yang signifikan mampu dicapai tidak kira bidang mana sekali pun.

“Harus diingat bahawa kejayaan Sheikh Muszaphar pergi ke ISS hanyalah sebagai penumpang dan jika tiada kemajuan yang dapat dicapai oleh rakyat kita, sampai bila-bila pun kita hanya sebagai penumpang,” katanya.